



Ruj. Kami : ANM/SPP/P/3/7/1/(45)
Tarikh : 29 November 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg.Dato'/YH.Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN *PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE* (PKI) DALAM PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa iSPEKS telah dibangunkan dengan penggunaan *Public Key Infrastructure* (PKI) sebagai kawalan keselamatan dan tandatangan digital bagi dokumen kewangan. Untuk makluman juga, iSPEKS diklasifikasikan sebagai sistem berimpak tinggi yang memerlukan penggunaan PKI berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 2015.

3. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018, Kerajaan Negeri yang memutuskan untuk tidak menggunakan PKI adalah disaran untuk menandatangani dokumen kewangan secara manual berdasarkan perkara-perkara berikut:

3.1 **Para 2.8.4** – Dokumen kewangan yang diperaku dengan tandatangan digital tidak perlu ditandatangani secara manual pada dokumen cetak (*hardcopy*).

3.2 **Para 2.9.3** – Pastikan dokumen kewangan ditandatangani kecuali dokumen kewangan dicatatkan "Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani".

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg.Dato'/YH.Dato'/Tuan/Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(ANISHAH BINTI ABD WAHID C.A (M))

Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
b.p. Akauntan Negara Malaysia

SENARAI EDARAN

Akauntan Negeri

Pejabat Kewangan & Perbendaharaan Negeri Pahang,
Tingkat 3, 5 & 6, Blok B, Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan, Pahang

Bendahari Negeri

Perbendaharaan Negeri Johor
Aras 1, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak
Pusat Pentadbiran Kota Iskandar
79592 Iskandar Puteri, Johor

Bendahari Negeri

Pejabat Akauntan Negeri Terengganu,
Tingkat 3, Wisma Darul Iman
20595 Kuala Terengganu, Terengganu

Bendahari Negeri

Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman
Aras 3, Blok E
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar, Kedah

Bendahari Negeri

Pejabat Perbendaharaan Negeri Perak Darul Ridzuan
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak

Bendahari Negeri

Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 11, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah
40592 Shah Alam, Selangor

Bendahari Negeri

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 23, Kompleks Tun Abdul Razak
(KOMTAR), Peti Surat 3007
10000 Pulau Pinang

Bendahari Negeri

Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka
Aras 1, Blok B, Seri Negeri Ayer Keroh
75450 Ayer Keroh, Melaka

Bendahari Negeri

Perbendaharaan Negeri Sembilan
Tingkat 3, Blok C, Wisma Negeri
70990 Seremban, Negeri Sembilan

Bendahari Negeri

Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis
Tingkat Bawah, Blok B,
Bangunan Dato' Mahmud Mat
01000 Kangar, Perlis

Bendahari Negeri

Perbendaharaan Negeri Kelantan
Tingkat 1, Blok 4, Kota Darul Naim,
15503 Kota Bharu, Kelantan